

## Projek PPR Ampar Tenang tugas terakhir Abd. Rahim

**PUTRAJAYA 17 Ogos** - Pembinaan Program Perumahan Rakyat (PPR) Ampar Tenang di Dengkil merupakan tugas terakhir yang disiapkan Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Datuk Abd. Rahim Ishak sebelum beliau meninggal dunia hari ini kerana masalah jantung.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, Datuk Seri Najib Tun Razak menyempurnakan perasmian projek tersebut semalam.

Menurut beliau, berita pemergian Allahyarham itu amat mengejutkan kerana Abd. Rahim kelihatan ceria dan sihat sepanjang majlis perasmian berlangsung.

"Saya dimaklumkan sendiri oleh isteri beliau bahawa Allahyarham mengalami sakit ulu hati di kediamannya di Bukit Mahkota, Kajang pada pukul 11 malam tadi sebelum dibawa oleh isterinya ke Pusat Perubatan Nilai bagi mendapatkan rawatan.

"Namun beliau meninggal dunia pada pukul 3.30 pagi ini dan jenazah beliau seterusnya dibawa ke Hospital Serdang untuk dibedah siasat," katanya dalam satu kenyataan di sini

hari ini.

Dalam pada itu, Noh menyifatkan pemergian Abd. Rahim sebagai satu kehilangan besar kepada negara kerana Allahyarham banyak membantu beliau dalam menjalankan tugas di kementerian itu.

Katanya, Allahyarham merupakan pegawai yang amat efisien dan dedikasi dalam melaksanakan Dasar Perumahan Negara.

Terdahulu, Noh menyertai solat jenazah Allahyarham Abd. Rahim sebelum dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Seksyen 5, Bukit Mahkota, Kajang dekat sini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique dan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Mohammad Mentek.

Abd. Rahim, 55, dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara berkuat kuasa 16 Jun 2016.

Beliau sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Bahagian Kanan, Bahagian Kewangan, Jabatan Perdana Menteri selain pernah menjadi Pengarah, Bahagian Awam, Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (Esscom).



**ABD. RAHIM ISHAK**



**NOH OMAR (kanan)** menghadiri pengebumian Allahyarham Abd. Rahim Ishak di Tanah Perkuburan Islam Bukit Mahkota, Kajang, Selangor, semalam. - BERNAMA